

LAPORAN : CERAMAH KAEDAH PELUPUSAN E-WASTE
TEMPAT : PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR , TAMAN BAGAN LALANG
BUTTERWORTH
TARIKH : 6 JANUARI 2013



Hasil Kraftangan yang begitu unik serta menarik perhatian pengunjung yang hadir di Program Ceramah Pelupusan E-waste



Alunan kompang mengiringi ketibaan Yang Dipertua MPSP Puan Mimunah Mohd Sharif



Antara bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan sabun

LAPORAN : PAMERAN LA 21
TEMPAT : TAMAN BANDAR AMPANG JAJAR PERMATANG PAUH
TARIKH : 20 JANUARI 2013



Walaupun riak muka mereka kelihatan begitu penat, namun mereka masih lagi bersemangat meneruskan kayuhan hingga ke garisan penamat



Penduduk Taman Bandar Ampang Jajar kelihatan bersemangat semasa melakukan aktiviti senamrobik



Kanak-kanak juga tidak ketinggalan mengikuti pertandingan Kid Fun Rider

**LAPORAN : PELANCARAN PENGUMPULAN ALAT ELEKTRIK TERPAKAI DAN
PEMBUNGKUSAN POLISTERINA**
TEMPAT : LOBI MPSP
TARIKH : 26 JANUARI 2013

Isu pencemaran alam sekitar seharusnya tidak boleh dipandang remeh oleh generasi pada hari ini kerana bumi yang didiami kita pada hari ini semakin tenat dengan longgokan sisa-sisa domestik, sampah sarap dan pelepasan gas hijau ke udara. Bahan-bahan buangan yang sukar dilupuskan secara semulajadi sepatutnya tidak digunakan langsung oleh masyarakat di Seberang Perai.

Oleh yang demikian MPSP telah mengambil inisiatif segera dengan mengadakan Pelancaran Pengumupulan Alat Elektirk Terpakai dan Pembungkusan Polisterina bagi menangani isu serta masalah yang menghantui Seberang Perai selama ini.

Program ini juga selaras dengan Fokus MPSP iaitu Program yang akan dilancarkan pada hari ini juga selaras dengan Fokus

MPSP 2013 iaitu :

□ Fokus 1 : Persekitaran Bersih

Dibawah fokus ini, program-program yang akan dijalankan adalah seperti pendidikan kesihatan persekitaran dan taklimat berkenaan dengan kitar semula, pengasingan di punca, gotong-royong, ceramah dan lain-lain akan dijalankan.

□ Fokus 2 : Mitigasi Banjir

Dibawah fokus ini pula, indeks utama yang akan diberi perhatian ialah mengurangkan kejadian banjir yang disebabkan oleh pembangunan dan pembuangan sampah. Antara aktiviti yang akan dijalankan ialah memberi taklimat kepada komuniti tentang kepentingan kitar semula untuk mengelakkan sampah sarap dibuang ke tempat yang tidak sepatutnya.

Sebelum mengakhiri ucapannya YDP Puan Maimunah Mohd Sharif mengambil kesempatan meneyeru gar kita bersama-sama berganding bahu menjaga kebersihan dan menceriakan kawasan sekitar agar kehidupan manjadi lebih berkualiti.



Barang- barang elektrik dan barang terpakai yang berjaya dikumpul semasa pelancaran pengumpulan alatan elektrik yang diadakan di auditorium MPSP



Para tetamu yang hadir memeriahkan Pelancran Pengumpulan Alatan elektrik Terpakai di Auditorium MPSP

LAPORAN : PELANCARAN SISA SIFAR KECERMELANGAN WANITA
TEMPAT : DEWAN TAMAN MUTIARA BUKIT MERTAJAM
TARIKH : 3 FEBRUARI 2013



En Silva sedang menunjukkan langkah-langkah membuat sabun kepada tetamu yang hadir ke pameran Local Action



Setiusaha Majlis Perbandaran Seberang Perai, Tuan Sr Hj Rozali Bin Mohamud sedang menyampaikan ucapan

LAPORAN : **BENKEL SEKOLAH HIJAU**
TEMPAT : **SM SAINS TUN SYED SYEH SHABUDIN BUKIT MERTAJAM.**
TARIKH : **13 MAC 2013**



YDP Puan Maimunah Mohd Sharif disambut mesra oleh pengetua SM Sains Syed Shabudin



Dua pelajar SM Sains Syed Shabudin sedang membentangkan Slide Power Point mengenai cara pembuatan kompos

LAPORAN : **MAJLIS PELANCARAN SEKOLAH HIJAU**
TEMPAT : **AEON SEBERANG PERAI CITY SHOPPING CENTRE BANDAR PERDA**
TARIKH : **16 MAC 2013**

Program Anugerah Sekolah Hijau ini telah diadakan bersama-sama Continental Automotive Component Malaysia Sdn,Bhd untuk tahun keempat berturut-turut. Pada tahun 2010, ia hanya disertai oleh 30 buah sekolah sahaja dan pada tahun 2011,sebanyak 36 buah sekolah menyertai program ini. Untuk tahun 2012 ,angka tersebut meningkat kepada 53 buah sekolah dimana ia merangkumi 33 buah sekolah rendah dan 20 buah sekolah menengah. Peningkatan ini menunjukkan semakin banyak sekolah semakin peka terhadap perlunya memelihara dan memulihara alam sekitar.

Program Anugerah Sekolah Hijau ini telah diadakan bersama-sama Continental Automotive Component Malaysia Sdn.Bhd untuk tahun keempat berturut-turut. Penilaian Anugerah Sekolah Hijau merangkumi 10 kriteria iaitu: Amalan 3R, penggunaan sisa makan, penggunaan minyak masak terpakai, bahan pembersih, pengurangan beg plastik, tanam pokok, penjimatan tenaga, penjimatan air, kebersihan kawasan sekolah dan aktiviti lain yang kreatif dan berinovasi.

Program Sekolah Hijau ini dalam bertujuan mendidik para pelajar menguruskan sampah yang dijanakan dan barang-barang yang tidak digunakan dikitar semula untuk mencapai sisa sifar. Selain itu, dengan adanya Anugerah Sekolah Hijau seumpama ini maka ia akan meningkatkan lagi kesedaran di kalangan para pelajar-pelajar sekolah mengenai kepentingan menjaga alam sekitar serta meningkatkan penggunaan aemula bahan buangan ,melaksanakan aktiviti kitar semula dan seterusnya ia dapat membantu mengurangkan sampah ke tapak pelupusan.



Antara pakaian yang dibuat menggunakan bahan buangan seperti surat khabar, Majalah dan juga plastik



YDP Puan Maimunah Mohd Sharif melawat booth yang mempamerkan dan menjual hasil kartangan yang dihasilkan oleh para pelajar sekolah



Penyampaian sijil dan anugerah kepada sekolah-sekolah hijau

LAPORAN : CERAMAH KITAR SEMULA
TEMPAT : KG AMAN SPU
TARIKH : 17 MAC 2013



YDP Puan maimunah disambut mesra oleh wakil penduduk Kampung Aman



Penduduk daripada Kg Aman SPU Sedang mendengar ceramah kitar semula



Beginilah gelagat kanak-kanak yang sibuk menyiapkan lukisan dan hasil warnaan masing-masing

LAPORAN : **PENYERAHAN PASU DAN POKOK BUNGA KEPADA SEKOLAH HIJAU SPU**
TEMPAT : **DEWAN HAJI AHMAD BADAWI**
TARIKH : **27 JUN 2013**

Program Anugerah Sekolah Hijau bermula pada tahun 2010 dengan tujuan memberi pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dan menggalak penambahbaikan berterusan. Tumpuan perlu diberi kepada pengurangan sisa-sisa buangan, pemeliharaan sumber dan alam sekitar. Pada tahun 2013 sebanyak 80 sekolah akan menyertai Anugerah Sekolah Hijau. Dengan penyertaan daripada 80 buah sekolah ini, saya percaya tahap kebersihan di Seberang Perai akan bertambah baik kerana para pelajar bukan sahaja akan mempraktikkan kriteria-kriteria amalan hijau di sekolah tetapi juga dalam kehidupan seharian mereka.

Sambutan yang sangat menggalakkan ini memberi inspirasi kepada Syarikat Guppy Plastic Industries Sdn Bhd untuk bersama-sama terlibat dalam program keceriaan sekolah dengan memberi sumbangan pasu bunga kepada sekolah-sekolah hijau. Setiap sekolah akan menerima 15 pasu beserta pokok bagi program ini.

Pada tahun ini juga sebanyak 22 buah sekolah telah mengambil bahagian dalam bengkel sekolah hijau. Dalam masa yang sama juga MPSP sedang giat berusaha untuk mewujudkan masyarakat berorientasikan 4R iaitu Rethink, Reduce, Reuse, dan Recycle.



YDP Puan Maimunah sedang memberika sedikit makluman kepada staff MPSP mengenai penyerahan pasu dan pokok bunga kepada sekolah hijau SPS



Pokok bunga yang menghijau ini merupakan sumbangan ikhlas daripada Syarikat Guppy Plastic Industries Sdn.Bhd

LAPORAN : PAMERAN LA 21
TEMPAT : PISA ,PULAU PINANG
TARIKH : 21&22 SEPTEMBER 2013



Barang yang dipamerkan di Pisa Pulau Pinang yang diantaranya ialah bahan-bahan untk membuat sabun



Booth pameran Local Action yang menarik dan berkonsepkan warna alam iaitu hijau

LAPORAN : PEMERAN LA 21 SEMPERNA JELAJAH BERSIH SPU
TEMPAT : TAMAN ROBINA ,TELOK AIR TAWAR
TARIKH : 13 OKTOBER 2013



YDP Puan Maimunah bersama-sama dalam aktiviti jelajah bersih di SPU



Penduduk daerah SPU bersama-sama menjamu selera dengan santapan yang disediakan

LAPORAN : PELEPASAN BENIH IKAN DAN UDANG - DELTA
TEMPAT : PENGKALAN MACHANG SUNGAI DUA
TARIKH : 28 NOVEMBER 2013



Yb. Berhormat Dr Afif Baharudin turut hadir bersama bagi merasmikan Projek Pelepasan benih ikan 2013



Crew-crew delta serta pegunjung-pengunjung yang mengikuti Projek pelepasan benih ikan sedang beramah mesra sambil memerhatikan benih-benih ikan yang sedang dilepaskan ke dalam sungai

LAPORAN : PAMERAN BENGKEL KITAR SEMULA KREATIF
TEMPAT : PERMATANG NIBONG
TARIKH : 30 DISEMBER 2013

Majlis Perbandaran Seberang Perai amat berbesar hati menganjurkan program-program yang bertujuan memelihara dan memulihara alam sekitar. Sehingga kini MPSP telah berjaya menubuhkan tiga Pusat Sumber Alam Sekitar, Enam komuniti kebun kejiranan, lapang komuniti sifar, 32 sekolah sifar dan 84 buah sekolah, yang mengikuti program sekolah hijau yang mewakili 36% daripada jumlah sekolah di Seberang Perai (233 buah sekolah).

MPSP telah berjaya meningkatkan kadar Kitar Semula dari 29% pada tahun 2012 kepada 32% tahun 2013, hasil daripada usaha MPSP, Ahli-Ahli Majlis dan komuniti melalui strategi komuniti mampan. MPSP bersama kerajaan Negeri telah berjaya memupuk tiga Pusat Sumber Alam Sekitar iaitu Pusat sumber Alam sekitar Permatang Nibong, Pusat Sumber Alam Sekitar Bagan Lalang dan Pusat Sumber Alam Sekitar SPT di Tmn Desa Damai menjadi tempat Pendidikan bagi penjagaan alam sekitar dan tempat latihan amali bagi peserta seminar antarabangsa anjuran Kerajaan Negeri bersama UNEP atau mana - mana badan lain yang diadakan di Pulau Pinang. Seterusnya dengan usaha padu dari semua pihak, akan mempercepatkan lagi usaha untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang khususnya Seberang Perai lebih Bersih, Hijau, Selamat, Sihat dan menjadi Pusat kecemerlangan Alam Sekitar.

Bengkel Kitar Semula Kreatif yang dianjurkan pada hari ini, merupakan inisiatif bersama Pusat Sumber Alam Sekitar Permatang Nibong dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi tujuan melatih Penduduk menggunakan semula (reused) bahan buangan dari kertas, plastik atau doy pack untuk dijahit, dianyam atau dimanikkan supaya bahan yang mempunyai nilai pasaran.

emandangkan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berhasrat untuk mewujudkan komuniti sisa sifar, penduduk telah menubuhkan Koperasi Perusahaan Hijau Permatang Nibong bagi memastikan kemampuan program yang dianjurkan ini. Koperasi ini akan menjadi agen pemasaran bahan-bahan yang dihasilkan oleh Penduduk. Dengan cara ini Pendapatan Penduduk dapat ditingkatkan dan menjadikan Negeri Pulau Pinang kemiskinan sifar.



Keunikan beg yang dihasilkan menggunakan bahan-bahan terpakai seperti plastik dan juga surat khabar



Tuan Sr Hj Rozali diajar cara-cara untuk menjahit plastik menggunakan mesin jahit



Tuan Sr Hj Rozali Bin Mohamud sedang meyampaikan ucapan perasmianya